

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5
TEMA 5: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN
UNIT 15: Keranamu Malaysia

Tajuk: Warga Emasku Terpelihara

Arahan: Baca teks di bawah (rujuk buku teks halaman 110-111, kemudian tulis maklumat menggunakan peta grafik.



Membaca

Warga Emasku Terpelihara

Tinesh dan Afifi akan menyampaikan persembahan berangkai, iaitu sebuah pidato dan pantun di pentas sekolah.



Selamat pagi dan salam sejahtera, guru-guru dan rakan-rakan yang saya kasihi. Pada hari ini, saya akan menyampaikan pidato yang bertajuk "Keistimewaan Warga Emas di Malaysia".

Sidang dewan.

Warga emas ialah warganegara yang berumur 60 tahun ke atas. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran golongan ini pada tahun 2019 meliputi 10.3 peratus daripada jumlah penduduk negara. Kita bersyukur kerana golongan seperti datuk, nenek, ayah dan ibu kita mendapat pembelaan sewajarnya.

Warga hadirin yang saya hormati,

Kerajaan telah mengisytiharkan 1 Oktober pada setiap tahun sebagai Hari Warga Emas. Langkah ini sebagai satu pengiktirafan terhadap golongan tersebut dalam komuniti. Selain itu, Dasar Warga Emas Negara diwujudkan untuk menjaga kebajikan dan menyediakan perkhidmatan mesra untuk warga emas.

Antara perkhidmatan untuk warga emas termasuklah bantuan kewangan, menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas dan Unit Penyayang Warga Emas. Pemberian alat sokongan dan alat tiruan anggota badan juga disalurkan. Seterusnya, warga emas akan mendapat layanan istimewa di klinik dan di hospital kerajaan, selain potongan separuh harga bagi tambang pengangkutan awam.

Oleh itu, semai kanlah sifat penyayang kepada warga emas. Mereka berhak mendapat pembelaan dan pengiktirafan. Mereka perlu kekal aktif untuk menabur bakti ke arah pembangunan negara dan bangsa. Akhir kata, selamat menyambut Hari Warga Emas. Saya berharap semoga kita berjumpa lagi di pentas pidato ini.

Sekian, terima kasih.

Pilih dan tulis maklumat yang tepat ke dalam peta dakap di bawah.

Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas dan Unit Penyayang Warga Emas

Potongan separuh harga bagi tambang pengangkutan awam

Bantuan kewangan

Pemberian alat sokongan dan alat tiruan

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita mestilah menyayangi dan menjaga kebajikan warga emas dengan baikny.

Layanan istimewa di klinik kerajaan

Layanan istimewa di hospital kerajaan

kebajikan

Kemudahan awam

perubatan

Rumusan

Keistimewaan
untuk Warga
Emas